



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 10/ 2024 (Oktober 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<b>Suburkan Kasih, Semaikan Sayang</b>	4 Oktober 2024M/ 1 Rabi'ulakhir 1446H
2.	<b>Utamakan Kesihatan Mental Di Tempat Kerja</b>	11 Oktober 2024M/ 8 Rabi'ulakhir 1446H
3.	<b>Umpama Kebun Yang Subur</b>	18 Oktober 2024M/ 15 Rabi'ulakhir 1446H
4.	<b>Janji Yang Dilupakan</b>	25 Oktober 2024M/ 22 Rabi'ulakhir 1446H
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىتنكن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Suburkan Kasih, Semaikan Sayang

4 Oktober 2024M/ 1 Rabi'ulakhir 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾ سورة الحجرات: 10

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

## PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah dengan menjadi hamba yang melaksanakan segala titah perintah Allah dan meninggalkan segala larangan dan tegahan Allah. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang diberkati oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Berkejar-kejaranlah kita mencari keredhaan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sementara masih



berkesempatan berada di alam dunia yang fana ini sebelum roh kita ditarik oleh-Nya. Pada hari yang penuh barokah ini, marilah bersama kita hayati khutbah bertajuk: **“Suburkan Kasih, Semaikan Sayang.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,**

Secara tradisinya, rakyat Malaysia amnya amat menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang sesama anggota masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui amalan kerjasama dan gotong-royong yang terpupuk sejak sekian lama.

Sekiranya diimbias kehidupan masyarakat pada zaman lampau, aktiviti seperti gotong-royong amat terserlah dalam pelbagai kegiatan yang dilakukan termasuklah ketika kenduri kahwin, pembinaan surau, membersihkan persekitaran kampung dan sebagainya.

Sesuatu yang sudah diamalkan dalam kalangan masyarakat ialah “muafakat membawa berkat.” Bukan sekadar itu sahaja, malahan di atas dasar kasih sayang dan persaudaraan juga membawa kepada sifat prihatin kepada orang lain.

Tidak hairanlah apabila seseorang itu boleh menegur anak jiran yang dilihat melakukan sesuatu yang salah atau bercanggah dengan nilai budaya masyarakat atau pegangan agama. Menganggap anak jiran sebagai anak sendiri menjadi suatu perkara yang boleh diterima dalam masyarakat. Semua ini datangnya daripada kasih sayang yang terjalin dalam masyarakat ketika itu.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hakikatnya persaudaraan dan kasih sayang seumpama ini memang



sudah sedia maklum dituntut untuk dilaksanakan menurut ajaran Islam. Bahkan mengenai persoalan jiran, hadis Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang sahih menyatakan:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya: “*Jibril عَلَيْهِ السَّلَامُ sentiasa berwasiat kepadaku agar berlaku baik kepada jiran sehingga aku menyangka bahawa jiran itu akan mewarisi hartaku.*” ﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

Hadis ini menunjukkan betapa hubungan akrab yang wajib dijalinan dengan jiran. Begitu juga nilai kasih terpapar melalui hadis Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang bermaksud:

“*Tidak sempurna iman seseorang apabila tidur dalam keadaan kekenyangan sedangkan jirannya berada dalam kelaparan sedang dia mengetahuinya.*” ﴿Hadis Riwayat Al-Baihaqi﴾

Di samping itu, Nabi juga mengaitkan nilai kasih sayang itu dengan unsur penting yang boleh melahirkan keimanan kepada Allah. Seterusnya dengan iman ini akan memudahkan laluan memperoleh syurga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda yang bermaksud:

“*Kamu tidak boleh masuk syurga selagi kamu tidak beriman dan kamu tidak dianggap beriman selagi tidak berkasih sayang sesama kamu*”...

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾



Ini jelas menunjukkan betapa nilai persaudaraan, kasih sayang, prihatin sesama anggota masyarakat yang terbina sejak sekian lama adalah hasil ajaran Islam yang suci murni.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Mutakhir ini nilai kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan masyarakat semakin pudar serta terhakis. Ini berikutan pengaruh kebendaan, pentingkan diri sendiri dan pelbagai aspek negatif yang kian menular. Ia bukan sahaja menghakis budaya masyarakat Malaysia, bahkan mencemarkan nilai ajaran Islam yang sebenar.

Sesetengah orang pada hari ini sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan dan kelangsungan “perut, nafsu dan material” semata-mata. Nilai kasih sayang dan persaudaraan kian dilontar jauh-jauh. Nabi ﷺ mengaitkan sikap ini dengan penyakit yang dinamakan “wahan” (وَهْنٌ) iaitu cinta dunia dan benci kepada kematian.

Dalam konteks masyarakat kini, seseorang tidak lagi boleh menegur anak jirannya yang melakukan maksiat dan kemungkar. Konsep “anak aku adalah anak aku dan anak kamu adalah anak kamu” kian menjadi-jadi. Lalu dengan alasan “jangan jaga tepi kain orang”, segala apa yang dilakukan langsung tidak boleh ditegur sebaliknya jika dinasihati akan mengundang kemarahan dan seumpamanya.

Bukan sekadar itu, malahan ada yang menyatakan “kubur masing-masing, tak perlu ambil tahu apa yang aku buat.” Sikap sebegini sudah tentu menjejaskan nilai kasih sayang dan persaudaraan dalam



masyarakat. Bahkan ia hanya akan mewujudkan permusuhan dan kebencian.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Begitu juga sesuatu yang amat memalukan berlaku dalam masyarakat hari ini iaitu pergeseran dalam kalangan ahli agama dalam perkara khilaf. Semangat berlapang dada sudah tidak diamalkan, sebaliknya masing-masing berusaha untuk menjuarai sesuatu isu itu dengan disokong pula pengikut yang fanatik.

Natijahnya, kasih sayang semakin terhakis sebaliknya yang wujud ialah saling bermasam muka antara satu sama lain dan perasaan benci terhadap saudara sendiri menguasai diri. Tidak ada jalan dan cara lain untuk mengatasi segala masalah dan kemelut yang berlaku dalam masyarakat kini melainkan dengan kembali menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara keseluruhannya.

## **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Mengakhiri khutbah, khatib mengingatkan semula sidang jemaah sekalian akan beberapa perkara:

**Pertama:** Hayatilah konsep persaudaraan dan kasih sayang yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah terutama dalam peristiwa hijrah. Rasulullah ﷺ telah mempersaudarakan antara kaum Aus dan Khazraj serta golongan Muhajirin dan Ansar.

**Kedua:** Kembalikan hidup dalam suasana kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan kita bermula dari rumah dan diri kita sendiri.



**Ketiga:** Jauhi pergeseran serta pergaduhan yang tidak memberi manfaat.

Moga dengan kasih sayang, masyarakat Malaysia amnya dan rakyat Pulau Pinang khasnya akan kembali bersatu padu dan menjadi kuat serta hebat di persada dunia.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Ali Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ... ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.







## Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

